

## *Penggunaan 3P3I Dalam Membina Kemahiran Pelajar Menjawab Soalan Kefahaman Subjektif*

**Effendy Ahmadi**

effendy\_ahmadi@schools.gov.sg

**Norliza Ali**

norliza\_ali@schools.gov.sg

**Sekolah Menengah Xinmin**

### *Abstrak*

Kelakonan pelajar Sekolah Menengah Xinmin dalam menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif menunjukkan penurunan yang drastik. Sebagai satu langkah intervensi, kajian ini dilaksanakan untuk membantu pelajar-pelajar meningkatkan kelakonan mereka. Bagi memantau kelakonan pelajar, pengkaji telah memperkenalkan pelajar kepada satu kemahiran berfikir yang perlu diguna pakai dalam menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif. Kemahiran ini dinamai 3P3I. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Menengah 3 Normal Akademik. Berdasarkan dapatan kajian, sebanyak 80% pelajar mengatakan bahawa penggunaan 3P3I (permasalahan, pandangan peribadi, pengajaran, informasi, inferens atau kaitan, dan implikasi) ini, memudahkan mereka memahami teks dan menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif. Berdasarkan dapatan ini, kemahiran berfikir dapat membantu pelajar di dalam menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif.

Kata Kunci: kefahaman subjektif, kemahiran berfikir, memahami teks, langkah intervensi

## PENGENALAN

Membaca bagi mendapatkan informasi merupakan satu kemahiran yang harus dimiliki setiap pelajar dalam mengharungi era pendidikan abad ke 21. Ini disebabkan oleh adanya wahana dan sumber bacaan yang mudah didapati di sekeliling mereka. Tambahan lagi, para pelajar digalakkan membaca secara meluas untuk mendapatkan informasi. Namun, perkara yang penting sekali ialah bagi pelajar memahami apa yang dibaca dan mampu memetik dan menggunakan informasi yang diperlukan dengan sebaik-baiknya. Ketidakmampuan untuk memahami dan menggunakan informasi dengan baik boleh mendatangkan kesan yang negatif khususnya dalam komponen kefahaman subjektif. Berdasarkan kelakonan pelajar dalam komponen kefahaman subjektif semasa peperiksaan pertengahan tahun telah menimbulkan keprihatinan dalam kalangan guru. Perkara inilah yang mendorong guru pengkaji untuk membantu pelajar mengatasi masalah ini agar mereka dapat mempertingkatkan daya fikir mereka lantas membantu mereka menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif.

## PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan penelitian guru ke atas keputusan bagi komponen kefahaman subjek Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2016 dan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2017, markah min atau purata pelajar telah jatuh secara drastik iaitu daripada 20 markah kepada 13 markah (markah penuh 30 markah). Selain itu, hanya 29% pelajar yang lulus dalam komponen ini dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2017 berbanding dengan 86% dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2017. Trend ini amat membimbangkan kerana pelajar tidak memahami teks kefahaman yang dibaca. Hal ini pasti menjejaskan prestasi pelajar bagi komponen-komponen Kertas 2 yang lain yang juga mempunyai teks kefahaman. Berbangkit daripada keprihatinan ini, guru-guru pengkaji telah menghasilkan kaedah berfikir 3P3I (permasalahan, pandangan peribadi, pengajaran, informasi, inferens atau kaitan, dan implikasi) yang telah diadaptasi daripada kaedah Roda Penaakulan Paul (*Paul's Wheel of Reasoning*) atau singkatannya RPP. Guru pengkaji berharap kaedah ini dapat memberikan satu alternatif kepada para pelajar agar dapat membantu pelajar memahami teks yang dibaca dan menggunakan isi-isi sesuai yang terkandung dalam teks tersebut bagi menjawab soalan kefahaman subjektif.



## TUJUAN KAJIAN

Guru-guru pengkaji menjalankan kajian ini dengan tujuan berikut:

1. menilai pencapaian para pelajar dalam komponen kefahaman subjektif sebelum dan selepas kajian; dan
2. menilai keberkesanan kaedah 3P3I dalam menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif.

## KAJIAN LEPAS

Kajian Helmeleya dan Kasimah (2015) ke atas murid Darjah 3 menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam menjawab soalan-soalan inferens amat memberangsangkan dengan menggunakan strategi Robert J. Marzano. Manisah (2016) telah menggunakan sampel yang lebih luas, murid Darjah 3 hingga Darjah 5, dalam kajiannya berkenaan komponen yang sama. Dengan menggunakan instrumen utama iaitu Pakej Pengajaran Kefahaman Subjektif Sekolah Rendah, Manisah mendapati bahawa skor murid tidak menunjukkan peningkatan yang ketara namun murid tetap menunjukkan tahap pemahaman yang lebih baik tentang kandungan teks. Kajian Mohamed Zain dan Nur Ashikin (2016) pula menunjukkan bahawa Strategi Pemahaman Teks dengan bantuan Infografik dapat membantu guru melihat pemikiran murid dengan lebih jelas. Dengan itu, guru boleh membetulkan kesalahfahaman pelajar dengan lebih mudah dan jelas.

Dalam aspek kemahiran berfikir, Nur Azah dan Farah (2018) telah mengajarkan rutin berfikir Fikir-Tulis dan Mengapa Awak Berkata Begitu dalam Menjadikan Pemikiran Jelas untuk membantu pelajar Menengah 3 Ekspres dalam penyampaian lisan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik ini telah berjaya membantu pelajar lebih berani untuk berbual dan kandungan penyampaian mereka ternyata lebih padat dan sesuai dengan topik yang dikemukakan. Seperti Nur Azah dan Farah, Norlizanah dan Kasidah (2018) juga telah menggunakan teknik Mengapa Awak Berkata Begitu, selain rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan Lampu Merah Lampu Kuning untuk membantu pelajar sekolah rendah Darjah 5 dalam menghasilkan karangan yang berkualiti. Bagi Rosnita dan Nadhirah (2018) yang telah mendedahkan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya kepada para pelajar Darjah 4 mereka, rutin tersebut berjaya meningkatkan kemahiran berfikir dan pemahaman murid dalam bacaan.

Daniel dan Ramna (2015) telah menggunakan kaedah RPP dan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya untuk mempertingkatkan kemahiran perbualan pelajar Menengah 2 Normal Akademik mereka. Ternyata, dengan menggunakan



kaedah dan rutin RPP, para pelajar mereka telah menunjukkan peningkatan yang positif dalam pertuturan dan penerangan, termasuk daripada segi bahasa dan penyampaian isi yang lebih padat. Seperti Daniel dan Ramna, Nadhirah (2015) juga telah menggunakan kaedah RPP untuk membantu para pelajar Menengah Tiga Ekspresnya mengatasi masalah mereka untuk menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens. Dapatan kajian Nadhirah menunjukkan bahawa para pelajar dapat membaca dan memahami teks dengan lebih baik lantaran mampu menjawab soalan-soalan kefahaman aras inferens dengan lebih baik. Lebih daripada itu, para pelajar lebih aktif bertukar pendapat. Hal ini menunjukkan bahawa para pelajar dapat berfikir secara kritis dan produktif bersama teman-teman mereka.

Kajian-kajian yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa kemahiran berfikir amat penting bagi para pelajar untuk membantu mereka membina pemahaman mereka dalam pelbagai aspek pembelajaran Bahasa Melayu. Khususnya dalam komponen kefahaman membaca, mereka perlu mampu berfikir secara aktif dan kritis untuk memahami teks yang dibaca dan juga menjawab soalan-soalan yang mengikutinya. Sekiranya teknik-teknik yang diajar dapat digunakan secara berkesan, para pelajar dapat mengaplikasikannya dalam subjek-subjek lain malahan dalam kehidupan mereka juga.

## **KAEDAH KAJIAN**

Pengkaji menggunakan pendekatan Kajian Pembelajaran untuk mengkaji keberkesanan kaedah 3P3I bagi membantu para pelajar berfikir semasa membaca dan menjawab soalan kefahaman subjektif. Setelah membentuk pasukan kajian yang terdiri daripada tiga orang guru Bahasa Melayu, mereka mengenal pasti elemen-elemen kritikal dan menentukan objek dan objektif pembelajaran kajian. Ini diikuti dengan penghasilan rancangan pengajaran. Elemen-elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) juga diterapkan dalam kajian ini. Sila lihat Jadual 1.



**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura (STP)**

<b>Proses Pengajaran</b>	<b>Aspek Pengajaran</b>	<b>Aktiviti Mengajar</b>
Perlaksanaan Pelajaran	AP17: Memberikan penerangan yang jelas	AM 5: Menggunakan Penyusun Grafik Pelajar-pelajar menggunakan penyusun grafik yang memerlukan mereka mengisi ruang-ruang yang telah disediakan. Aktiviti ini penting untuk memastikan pelajar dapat mengikuti akan proses pembelajaran selanjutnya..
	AP 20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	AM 5: Cabar Saya Pelajar perlu menjawab beberapa soalan pelbagai aras untuk memastikan pembacaan dan pemahaman terhadap teks yang dibaca.
Penilaian dan Maklum Balas	AP 22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM 3: Latihan untuk Menguasai Pelajar perlu menjalani latihan berfokus dengan menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif untuk memastikan mereka menguasai kelemahan menjawab soalan-soalan kefahaman tersebut.
Penerangan dan Justifikasi	Penggunaan penyusun grafik perlulah dijelaskan agar pelajar dapat memahami setiap ruang yang perlu diisi. Sekiranya penyusun grafik ini tidak dijelaskan fungsinya, pelajar tidak akan mampu menyelesaikan tugas dengan baik. Latihan berfokus kepada soalan-soalan kefahaman subjektif penting bagi memastikan pelajar mendapat latihan secukupnya.	

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada tujuh orang pelajar Menengah 3 Normal Akademik. Kumpulan pelajar ini telah dipilih berdasarkan dapatan yang disebut dalam bahagian Pernyataan Masalah. Dalam wawancara pengkaji bersama para pelajar, 85% pelajar menyatakan bahawa mereka tidak memahami teks kefahaman kerana tidak memahami kosa kata mahupun jalan cerita teks yang dibaca. Hal ini disebabkan kelemahan mereka dalam penguasaan bahasa Melayu dan seperkara yang agak penting diteliti selanjutnya, mereka mendapati jalan cerita yang digunakan tidak menarik bagi mereka.


### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah 3P3I iaitu sebuah teknik berfikir yang diadaptasi



daripada kaedah RPP. Apabila para pelajar mengenali elemen-elemen 3P3I, bacaan mereka akan lebih bermakna dan mereka dapat mengkaitkan kandungan teks dengan soalan-soalan kefahaman. Dalam kaedah RPP, Richard W. Paul (1990) telah mengemukakan lapan elemen pemikiran sekiranya seseorang berfikir secara kritis iaitu, permasalahan, tujuan, bukti atau data, andaian, pandangan peribadi, konsep, implikasi atau kesan dan inferens. Berdasarkan elemen-elemen RPP, pengkaji telah menyesuaikan dengan keperluan para pelajar dan teks pemahaman subjektif Bahasa Melayu. Pengkaji memberikan tumpuan kepada enam elemen (3P3I) sahaja dan ada bahagian penerangan dan penamaan elemen yang disesuaikan dengan keperluan pelajar dan komponen. Tiga elemen P itu ialah, permasalahan, pandangan peribadi dan pengajaran manakala tiga elemen, itu ialah, informasi, inferens atau kaitan, dan implikasi atau kesan dan punca. (Sila rujuk Rajah 1).

**Rajah 1: Kaedah Berfikir 3P3I**



Selain itu, dalam slaid penerangan 3P3I, guru pengkaji telah menebalkan kata-kata kunci bagi setiap elemen untuk menekankan aspek-aspek penting dalam elemen-elemen 3P3I seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1. Penandaan sebegini juga dapat membantu pelajar membina daya pemikiran mereka secara fokus untuk memahami teks dan juga soalan-soalan pemahaman.



## Jadual 2: Contoh elemen Pengajaran dalam kaedah 3P3I

### MEMBACA DAN MENGANALISIS TEKS NARATIF MENGGUNAKAN 3P3I

Pengajaran (P2)

- Apakah yang kamu pelajari daripada teks ini?
- Berikan **pengajaran dan bukti dalam teks** berdasarkan pelajaran yang telah kamu pelajari.
- Insiden – Apa yang berlaku? Apakah yang kamu belajar daripada insiden tersebut?
- Watak- Dari perwatakan apakah yang dapat dipelajari?

Contoh:

- Berikan **dua pengajaran** yang kamu raih dalam teks ini.
- Berikan juga **bukti** untuk menyokong jawatan kamu.
- Apakah yang **kamu pelajari daripada perbuatan Farid** dan **berikan bukti** dari petikan.

Kajian ini hanya memberi tumpuan pada teks naratif dan soalan-soalan kefahaman subjektif. Kajian ini tidak menyentuh komponen kosa kata yang terkandung dalam komponen standard kefahaman subjektif dalam kertas peperiksaan Bahasa Melayu.

### Prosedur Kajian

Kajian Pembelajaran ini mengambil masa lebih kurang empat bulan. Pengkaji telah menjalankan pemantauan pelajaran sebanyak dua kitaran. Dalam proses penghasilan rancangan pengajaran, para pengkaji telah mengambil kira aspek-aspek penting seperti objektif pembelajaran dan permasalahan pelajar. Maka itu, untuk membantu para pelajar memahami sesi pembelajaran mereka, antara lain, guru telah menggunakan pelbagai wadah pembelajaran dan pengajaran seperti penggunaan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) – perkongsian nota dan latihan, dan slaid *PowerPoint* untuk sesi prapembelajaran melalui laman *Edmodo*, dan latihan dalam kelas dengan menggunakan aplikasi *Padlet*. Bahasa yang digunakan dalam nota, latihan dan slaid juga telah dipermudah supaya pelajar dapat memahaminya dengan lebih mudah lebih-lebih lagi penerangan berkenaan 3P3I yang merupakan satu kaedah baharu bagi para pelajar.

### Kitaran 1

Dalam kitaran pertama, terdapat seramai enam orang guru yang telah bertindak sebagai guru pemantau dan ini termasuk seorang guru Bahasa Mandarin yang fasih dalam Bahasa Melayu, dan tiga orang guru Melayu daripada Jabatan Bahasa Inggeris dan Jabatan Kemanusiaan. Semua bahan pengajaran telah diberikan kepada guru pemantau sehari sebelum pengajaran

dijalankan. Secara ringkas, antara bahagian-bahagian pengajaran dalam rancangan pelajaran kajian ialah bahagian prapengajaran, iaitu membaca nota dan slaid dan latihan pertama iaitu latihan padanan teknikal, pembukaan dan penerangan, perbincangan latihan pertama iaitu latihan teknikal memadankan soalan dengan elemen 3P3I, latihan kedua iaitu latihan padanan soalan berdasarkan teks dan latihan ketiga iaitu latihan penuh kefahaman subjektif.

## **Kitaran 2**

Guru pengkaji telah menjalankan Kitaran 2 selepas Peperiksaan Akhir Tahun. Dalam kitaran kedua pula, terdapat lima orang guru yang bertindak sebagai guru pemantau dan ini termasuklah dua orang guru Bahasa Melayu, seorang guru Melayu daripada Jabatan Kemanusiaan (tidak terbabit dalam Kitaran 1) dan seorang guru Bahasa Mandarin yang terbabit dalam Kitaran 1. Dengan mengambil kira dapatan dan saranan guru-guru pemantau dalam kitaran pertama, para pengkaji telah menyesuaikan rancangan pelajaran, bahan pengajaran dan bagi guru pengajar, cara penyampaiannya juga akan disesuaikan mengikut saranan daripada kitaran awal.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### *Dapatan Sesi Pengajaran*

Selepas menjalani Kitaran 1, guru-guru pemantau mendapati bahawa ada para pelajar yang datang ke kelas tanpa persiapan awal iaitu membaca nota dan slaid yang telah diberikan melalui perisian *Edmodo*. Maka itu, mereka telah menyarankan agar salinan bercetak diberikan juga kepada para pelajar sebelum kelas bermula. Ini juga dapat mengatasi masalah sekiranya para pelajar tidak mempunyai komputer di rumah atau telefon bimbit yang mempunyai talian Internet. Guru pemantau juga menyarankan supaya bahasa yang digunakan semasa melaksanakan pengajaran dan slaidnya dipermudah untuk membantu para pelajar mengikuti pelajaran dengan lebih mudah.

Dalam bahagian latihan teknikal memadankan soalan dengan elemen 3P3I di *Padlet*, guru pemantau menyarankan guru pengajar untuk menggalakkan para pelajar bertanya secara verbal atau secara bertulis kepada guru atau teman mereka sekiranya mereka tidak faham pengajaran guru. Ini kerana pada awalnya mereka mungkin sudah bermasalah kerana tidak membaca nota atau slaid lebih awal. Guru juga harus menjaga waktu supaya latihan lain dapat diselesaikan dalam sesi pengajaran tersebut. Untuk bahagian latihan kedua iaitu memadankan soalan berdasarkan teks, guru pemantau menyarankan guru pengajar memberikan perhatian kepada para pelajar yang memerlukan lebih banyak masa untuk memahami pengajarannya. Latihan ketiga iaitu





latihan kefahaman penuh tidak dapat dijalankan kerana ketidakcukupan masa. Lantas, para pelajar menyelesaikannya sebagai kerja rumah.

Dalam latihan padanan kedua, ternyata para pelajar tidak dapat memberi jawapan bagi soalan ‘jelaskan’ dan ‘pada pendapat kamu’. Dalam kitaran 2, guru pemantau telah menyarankan agar jumlah soalan latihan dikurangkan supaya latihan-latihan yang disediakan dapat dijalankan.

Dapatan-dapatan berdasarkan sesi pengajaran menonjolkan beberapa perkara yang tidak berkaitan dengan isi pengajaran secara langsung tetapi kerap dihadapi oleh para guru seperti sikap pelajar, pembahagian masa, penggunaan bahasa dalam bahan dan pengajaran guru dan juga pelan duduk para pelajar. Perkara-perkara ini jika tidak ditangani awal, pasti menjejaskan pembelajaran pelajar dan pengajaran guru. Oleh itu, guru harus menangani dan meleraikan perkara-perkara sebegini untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan secara efektif.

#### *Dapatan Kuantitatif dan Kualitatif*

Berdasarkan Rajah 2, terdapat peningkatan dalam pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun (PAT) iaitu selepas Kitaran 1 selesai dijalankan. Markah min telah meningkat daripada 11.6 markah dalam Peperiksaan Tengah Tahun (PTT) kepada 15.6 markah. Peratusan pelajar yang gagal telah turun dari 42% untuk PTT kepada 16% dalam PAT. Peratusan kelulusan pula meningkat daripada 58% dalam PTT kepada 84% dalam PAT. Selain itu, min untuk pelajar yang menandakan kata kunci dalam soalan mereka hanyalah 1 untuk setiap pelajar dan tiada penandaan bagi elemen 3P3I.

Tren peningkatan min dalam markah dan penandaan terus meningkat dalam ujian kefahaman penuh yang telah dijalankan selepas Kitaran 2. Markah min telah meningkat daripada 15.6 markah dalam PAT kepada 19 markah dalam ujian. Tiada pelajar yang gagal dalam ujian yang telah dijalankan. Peningkatan yang jelas juga dapat dilihat dalam aspek penandaan. Untuk penandaan elemen 3P3I dalam soalan pelajar, minnya ialah 6. Ini bermakna setiap soalan telah ditandai oleh pelajar dengan elemen-elemen 3P3I. Jumlah min yang sama iaitu 6 juga telah ditunjukkan dalam penandaan kata kunci oleh para pelajar dalam soalan mereka.

**Jadual 3: Pemarkahan dan Penandaan Purata Pelajar**

Item	Min		
	Peperiksaan Tengah Tahun	Peperiksaan Akhir Tahun (Selepas Kitaran 1)	Ujian Latihan Penuh (Kitaran 2)
Min soalan ditandai dengan elemen 3P3I oleh setiap pelajar	0	0	6
Min kata kunci ditandai oleh setiap pelajar	0	1	6
Markah Min	11.6	15.6	19
Jumlah Pelajar Gagal	3 (42%)	1 (14%)	0
Jumlah Pelajar Lulus	4 (58%)	7 (86%)	6 (100%)
Jumlah Pelajar	7	7	6

Nota: Jumlah Soalan – 6; Jumlah Markah Keseluruhan - 22

Secara umum, peningkatan jumlah-jumlah min ini menunjukkan bahawa pengajaran guru dalam kajian amat berkesan. Dengan min penandaan kata kunci dan elemen 3P3I, para pelajar telah menunjukkan bahawa mereka dapat menggunakan teknik ini secara praktikal dan efektif. Pemikiran mereka berdasarkan 3P3I juga dapat dilihat dengan lebih jelas. Hal ini dapat membantu dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Sekiranya mereka membuat kesilapan, guru dapat mengenal pasti kesilapan tersebut dengan lebih mudah lantas memberikan pelajar bantuan dan panduan untuk membetulkan kesilapan tersebut.

Dapatan lapor balik yang dijalankan selepas Kitaran 2 memperkukuhkan lagi keberkesanan kaedah 3P3I dalam membantu para pelajar untuk berfikir semasa membaca teks kefahaman subjektif dan soalan-soalan yang mengikutinya. Sebanyak 80% pelajar mengatakan bahawa nota dan slaid yang disediakan mudah difahami. 50% pelajar pula berpendapat bahawa pengajaran guru juga lebih mudah difahami. Kedua jumlah ini menunjukkan bahawa permasalahan penggunaan bahasa dalam pengajaran guru dan bahan-bahan yang digunakan yang ditimbulkan oleh guru pemantau dalam Kitaran 1 semakin dapat diatasi. 67% pelajar menyatakan mereka dapat berkongsi idea dengan teman-teman mereka. Jumlah ini menunjukkan bahawa permasalahan para pelajar tidak berkomunikasi dengan teman apabila mereka berdepan dengan masalah dalam membina pemahaman mereka



terhadap teks yang dibaca dapat dikurangkan kerana kini mereka lebih banyak berkongsi idea dengan teman-teman mereka.

83% pelajar mengatakan mereka lebih tahu dan faham semua aspek 3P3I selepas pengajaran guru. Oleh itu, 67% pelajar lebih memahami teks dan juga lebih memahami kehendak soalan dengan menggunakan kaedah 3P3I. Peratusan-peratusan positif ini menyokong peratusan jumlah kelulusan dalam ujian yang telah dijalankan disamping kehadiran min penandaan kata kunci dan elemen 3P3I yang amat memberangsangkan.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kualitatif dan kuantitatif kaedah 3P3I telah menunjukkan bahawa kaedah ini mampu membantu para pelajar mempertingkatkan daya pemikiran untuk memahami teks kefahaman subjektif dan menjawab soalan-soalan yang mengikutnya. Laporan balik pelajar menyokong akan keberkesanan 3P3I dalam usaha mereka untuk memahami teks naratif dan menjawab soalan-soalan kefahaman yang disediakan.

Kaedah 3P3I merupakan hasil penyesuaian daripada RPP oleh guru pengkaji bagi para pelajar yang mengambil Bahasa Melayu khususnya untuk sampel-sampel kajian dalam sekolah pengkaji. Oleh itu, kaedah ini masih mempunyai ruang untuk diperhalus dan disesuaikan selaras dengan keperluan kumpulan-kumpulan pelajar atau guru Bahasa Melayu lain. Selain itu, kaedah Kajian Pembelajaran telah membantu guru pengkaji menghasilkan rancangan pelajaran Kaedah 3P3I yang berkesan dan seperti yang dinyatakan, rancangan pelajaran yang terhasil masih mempunyai ruang untuk dimurnikan. Antara lain, guru pengkaji ingin mengaplikasikan rancangan pengajaran Kaedah 3P3I ini untuk genre teks Bahasa Melayu yang lain seperti cerpen, puisi, teks deskriptif dan teks ekspositori. Kemahiran menggunakan 3P3I ini perlu diasah dari awal supaya para pelajar mampu mencari, memilih dan menggunakan informasi dengan berkesan semasa mereka menelusuri alam pendidikan mereka mahupun kehidupan mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Mohd Fayumi Yusi

## **RUJUKAN**

Daniel Phua, Ramna Johana (2015). "Penerapan Paul's Wheel of Reasoning daam Perbualan Berdasarkan Video", hal 300-308, dalam Seminar Bahasa Melayu 2015, MLCSW, Singapore



- Helmeleya Mohd Jamil, Kasimah Kassim (2015). "Kajian Pengajaran: Kemahiran Menjawab Soalan Kefahaman Jenis Inferens", hal 132-139, dalam *Seminar Bahasa Melayu 2015*, MLCS, Singapore.
- Manisah Osman (2016). "Meningkatkan kemahiran Menjawab Soalan Kefahaman", Hal. 176-185, dalam *Seminar Bahasa Melayu 2016*, MLCS, Singapore.
- Mohamed Zain Mohamed, Nur Ahikin Sapri (2016). "Strategi Pengajaran Kefahaman dengan Menggunakan Bahan Visual", hal 503-512, dalam *Seminar Bahasa Melayu 2016*, MLCS, Singapore.
- Norlizanah Mohamad Nor, Kasidah Khatoon Kasim Khan Surattee, (2018). "Penggunaan Rutin Berfikir dalam Penulisan Karangan Yang Berkualiti", hal 349-370, dalam *Seminar Bahasa Melayu 2018*, MLCS, Singapore.
- Nur Azah Ismail, Farrah Mohamed Ghazali (2018). "Kajian Pembelajaran : Penggunaan Rutin Berfikir AMAKB dan Fikir-Tulis dalam Pengajaran Lisan", hal 58-67, dalam *Seminar Bahasa Melayu 2018*, MLCS, Singapore.
- Paul, R., (1990). *Critical Thinking : What every person needs to survive in a rapidly changing world*, Ronhert Park : Centre for Critical Thinking and Moral Critique, Sonoma State University.
- Paul, R., (1995). *Critical Thinking : How to prepare students for a rapidly changing world*, Foundation for Critical Thinking, Santa Rosa.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Rosnita Hamid, Nadhirah Yusope Nur Azah Ismail, Farrah Mohamed Ghazali (2018). "Penggunaan Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya dalam Pengajaran Kefahaman", hal 379-391, dalam *Seminar Bahasa Melayu 2018*, MLCS, Singapore
- Nadirah Binte Mohd Sedik. (2015). "Kemahiran Berfikir Secara Kritis Melalui Kaedah Roda Penaakulan Paul, dalam *e-Proceeding of Global Conference on Technology in Language Learning 2015*, Kuala Lumpur, Malaysia.



<http://worldconferences.net/proceedings/glit2015/full20paper20glit2015/GL2005920>

Rafiei B Hj. Mustapha, “Kajian Tentang Kemahiran Berfikir secara kristis dan Kreatif (KBKK) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah”.[http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/1998/98\\_Rafiei.pdf](http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/1998/98_Rafiei.pdf)

